

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 5.12.2019 (KHAMIS)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan bagaimanakah bantuan bahan binaan yang telah dicadangkan oleh Kementerian dapat membantu rakyat dari kumpulan B40 untuk memiliki rumah kediaman yang lebih baik, dan apakah kriteria kelayakan untuk bantuan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, program bantuan rumah PPRT di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar pada masa ini melibatkan dua skop bantuan iaitu baik pulih dan bina baharu kepada golongan miskin dan miskin tegar di luar bandar. Pelaksanaan projek adalah melalui agensi pelaksana Kementerian termasuk Pejabat Daerah.

Kaedah pembinaan dan pembaikan rumah adalah dilaksanakan secara pelantikan kontraktor G1 atau untuk pembaikan kecil, boleh dilaksanakan secara gotong-royong mengikut kaedah perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa. Pemberian bantuan bahan binaan telah pun dipraktikkan dalam pelaksanaan PPRT melalui kaedah pelaksanaan secara gotong royong. Kaedah pemberian bantuan bahan binaan melalui pelaksanaan secara gotong-royong akan diperhalusi

NO. SOALAN :20

dan ditambah baik secara praktikal oleh Kementerian. Kesesuaian pelaksanaan bergantung kepada keupayaan dan kesediaan melaksana oleh penerima bantuan dan komuniti setempat, keselamatan dan keutuhan pembaikan/ pembinaan, pemantauan pelaksanaan, penggunaan bahan yang optimum serta faktor-faktor lain yang berkaitan termasuk risiko pembaziran sekiranya pembinaan/ pembaikan tidak dilaksanakan.

Bagi kaedah secara gotong royong ini, agensi pelaksana yang dilantik adalah agensi penyelarasan yang akan bertanggungjawab sepenuhnya dalam semua proses dan peringkat sehinggalah kepada pengesahan siap kerja, pengesahan bayaran Elaun Sagu Hati kepada ahli-ahli yang terlibat dalam gotong-royong tersebut dan penyediaan laporan yang akan dikemukakan Kementerian Kewangan bagi setiap separuh tahun pertama dan kedua.

Kualiti bahan binaan yang dibekalkan bagi projek-projek PPRT sama ada bagi kaedah gotong-royong atau pelantikan kontraktor hendaklah sama atau setara dengan spesifikasi bahan binaan baharu.

Kriteria kelayakan penerima bantuan adalah seperti yang digariskan dalam tatacara pelaksanaan PPRT ialah disahkan sebagai miskin tegar atau miskin berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa yang berkuat kuasa serta mempunyai pemilikan penuh tapak rumah atau mendapat kebenaran bagi kes menumpang tanah milik orang lain/ tanah milik sebahagian.

Kelayakan penerima bantuan PPRT ini tidak termasuk pemohon daripada kumpulan B40. Walau bagaimanapun, bagi pemohon yang dikategorikan terkeluar daripada status miskin atau miskin tegar tetapi mempunyai pendapatan yang menghampiri paras kemiskinan, permohonan tersebut boleh dipertimbangkan secara khas dalam jawatankuasa di peringkat Kementerian.